

LAWATAN PENANDA ARAS OLEH UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) KE PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN (PKP)

**ANJURAN JAWATANKUASA EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) ZON PERGIGIAN
PADA 05 MEI 2021 (RABU)**

Rombongan dari Unit integriti KKM seramai 8 orang tiba jam 2.30 petang di Bilik Mesyuarat Utama dan disambut baik oleh jawatankuasa EKSA Zon Pergigian. Ucapan alu-aluan menyambut ketibaan rombongan diberikan oleh Dr. Mazlina binti Mat Desa Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Kesihatan Pergigian, PKP. Rombongan diketuai oleh Puan Aida Rahila binti Rusmahini selaku Penyelaras EKSA Zon Integriti mengucapkan terima kasih kerana sudi menjemput mereka untuk datang melihat amalan EKSA yang diterapkan di PKP. Taklimat ringkas organisasi dan amalan EKSA Zon Pergigian disampaikan oleh Dr. Sheila Rani a/p Ramalingam, selaku penyelaras EKSA Zon Pergigian.

Rombongan lawatan dimulakan dengan melihat pelaksanaan EKSA di semua subzon di PKP. Diiringi oleh Dr. Mazura binti Mahat, Ketua Jawatankuasa Latihan Zon Pergigian yang memberikan penerangan kepada ahli rombongan. Bermula dengan lawatan ke bilik Pengarah Kanan, subzon biru, hijau dan diakhiri di zon kuning. Selain itu, ahli rombongan turut melawat Sudut Fizikal EKSA, Sudut Kitar Semula dan Taman Herba Zon Pergigian. Taman ini adalah salah satu inisiatif oleh Zon Pergigian bagi mempromosikan pembudayaan Amalan EKSA.

Lawatan diakhiri dengan majlis penutupan bagi mendapatkan komen-komen dari Unit Integriti mengenai penambahbaikan yang dapat dilakukan oleh Zon Pergigian dalam mengamalkan EKSA dan juga sebagai persediaan untuk menghadapi Audit EKSA KKM yang bakal berlangsung nanti. Pihak PKP amat berbesar hati dengan pandangan dan pendapat yang diberikan memandangkan Zon Integriti telah memperolehi markah tertinggi semasa Audit EKSA IPKKM pada tahun 2019. Ahli rombongan juga diberikan cenderahati sebagai tanda penghargaan.

Diharapkan dengan lawatan ini dapat memberikan idea, dorongan dan manfaat pada kedua-dua pihak supaya amalan EKSA di IPKKM sentiasa berada pada tahap yang cemerlang.



Pembukaan majlis dan pengenalan organisasi kepada pelawat disampaikan oleh Dr. Mazlina binti Mat Desa dan Dr. Sheila Rani a/p Ramalingam.



Pelawat masing-masing teruja melihat taman herba yang dilawati.



Melawat bilik Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian.



Penerangan ringkas diberikan semasa melawat sudut fizikal EKSA.



Penyediaan beg cenderahati untuk pelawat hasil kreativiti yang telah menang dalam pertandingan Mencipta Bahan Kitar Semula EKSA.





Penyampaian cenderhati oleh Dr Mazlina Mat Desa kepada wakil Unit Integriti sebagai tanda penghargaan